## Menziarahi pesakit yang kritikal atau tenat:

1. Patuhi semua adab yang telah disenaraikan.
2. Tunjukkan rasa simpati, tetapi jangan menangis di hadapan pesakit atau ahli keluarganya.
3. Berdoa secara terbuka tetapi mesti dilakukan dengan nada perlahan:

   ***" Ya Allah, berikan dia kehidupan jika kehidupan itu lebih baik kepadanya, dan berilah dia kematian jika kematian itu lebih baik kepadanya".***

4. Jika ruang mengizinkan, hadiahkan bacaan al-Quran atau Surah Yaasin.

   Sabda Rasulullah SAW:

   ***"Bacalah Yaasin ke atas orang yang nazak (hampir mati)."*** *(Riwayat Abu Daud)*

5. Sunat menitiskan air ke dalam mulut pesakit jika ternyata pesakit dalam keadaan dahaga.
6. Sunat membisikkan kalimah syahadah ke telinga pesakit dengan lembut.

   Sabda Rasulullah SAW:

   ***"Ajarkanlah orang-orang yang hampir mati itu dengan ucapan "La ilaha illallah" (tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah".*** *(Riwayat Abu Daud)*

## Doa menziarahi pesakit

Hendaklah kita mendoakan dengan doa yang diajar oleh Rasulullah SAW agar pesakit cepat sembuh dan bersabar dalam menghadapi kesakitan, antaranya;

### Doa 1

***"Ya Allah! Hilangkanlah penyakitnya dan sembuhkanlah ia, Engkaulah yang mampu menyembuhkan suatu penyembuhan yang menghilangkan penyakit".***
*(Riwayat Al-Bukhari)*

### Doa 2

لاَ بَأْسَ، طَهُورٌ إِنْ شَاءَ اللهُ

***"Tidak mengapa, semoga penyakit ini membersihkan dosamu, insya-Allah".***
*(Riwayat al-Bukhari)*

Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh :
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
www.infosihat.gov.my I www.myhealth.gov.my
KKM/BM/50,000/2017
Diterbitkan bersama :
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JAKIM

Kementerian Kesihatan Malaysia

JAKIM



# ADAB-ADAB MENZIARAHI PESAKIT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

## Kelebihan menziarahi orang sakit

Menziarahi orang sakit adalah sunat dan digalakkan oleh Islam. Amalan ini dapat mempereratkan lagi hubungan silaturrahim sesama keluarga dan sesama muslim.

### *Hadis 1:*

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> ***"Tiada seorang pun yang menziarahi saudara se-Islamnya yang sakit pada waktu pagi, melainkan 70,000 malaikat mendoakannya untuk mendapat rahmat sehingga ke petang. Sekiranya dia menziarahi saudaranya pada waktu petang, maka 70,000 malaikat mendoakannya untuk mendapat rahmat Allah sehingga ke pagi. Dia juga akan mendapat nikmat berupa buah-buahan syurga yang boleh dipetik pada bila-bila masa."*** *(Riwayat at-Tirmizi)*

### *Hadis 2:*

Abu Hurairah r-a meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

> ***"Kewajiban seorang muslim terhadap seorang muslim yang lainnya lima perkara iaitu: Menjawab salam, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah (ke tanah perkuburan), memenuhi jemputan dan mendoakan orang yang bersin."*** *(Riwayat al-Bukhari & Muslim)*

# ADAB MENZIARAHI PESAKIT

## Boleh ✓

1. Berniat menziarahi orang sakit sebagai mengikut sunnah Rasulullah SAW.
2. Membersihkan tangan sebelum bersalam dengan pesakit.
3. Disunatkan duduk berdekatan dengan kepala pesakit bagi memudahkan komunikasi.
4. Mendoakan pesakit agar cepat sembuh.
5. Keluar dari bilik sekiranya doktor atau jururawat memeriksa keadaan pesakit.
6. Sesuaikan waktu ziarah dan memendekkan masa lawatan agar pesakit dapat berehat.
7. Digalakkan membawa buah tangan yang bersesuaian.
8. Mengetahui keadaan sebenar pesakit, sama ada dia mempunyai harapan untuk sembuh, kritikal atau sekadar sakit biasa.
9. Perlahankan nada dering telefon bimbit atau menukar ke dalam mod diam atau getaran.

## Elakkan X

1. Menangis di depan pesakit.
2. Duduk di atas katil pesakit.
3. Memakai minyak wangi yang terlalu kuat baunya.
4. Merokok sebelum atau ketika anda melawat pesakit.
5. Bercakap terlalu kuat.
6. Bercakap dan melawat terlalu lama.
7. Jangan menyebut penyakit orang lain yang sama atau seumpama penyakitnya hingga menyebabkan kematian orang itu kerana ini akan menyakitkan hati pesakit.
8. Jangan memakan makanan yang dihadiahkan kepadanya atau makanan yang telah disediakan untuknya.
9. Jika kehadiran anda membuatkan pesakit lebih tertekan, sebaik-baiknya tunggu sehingga keadaannya lebih stabil.
10. Elak menziarahi pesakit sekiranya anda tidak sihat.





